

# MAJLIS PEMBUKAAN KURSUS MECU SIRI 04/16



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/863-majlis-pembukaan-kursus-mecu-siri-04-16](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/863-majlis-pembukaan-kursus-mecu-siri-04-16)

SUBANG, 24 Jun 16 – Majlis Pembukaan Kursus Multi Engine Conversion Unit (MECU) Siri 04/16 telah diadakan di Bilik Taklimat PLTT Angkut, Pangkalan Udara Subang. Majlis telah dirasmikan oleh Panglima Wilayah Udara 1, YBhg Mej Jen Dato' Marsaleh bin Hassim TUDM dan disaksikan oleh Komander PU Subang, YBhg Brig Jen Shamsudin bin Kassim TUDM serta beberapa Pegawai Kanan PU Subang yang lain.

Kursus yang dilaksanakan di PLTT Angkut ini dihadiri oleh 5 orang pegawai yang baru sahaja tamat menjalani Kursus Ilmu Penerbangan Asas (KIPA) di PULATIBANG 1, Kolej Tentera Udara (KTU), Alor Setar.

Tujuan kursus ini adalah untuk melatih para juruterbang yang baru ditauliahkan sebagai Juruterbang TUDM untuk menjadi seorang juruterbang pesawat angkut yang berkaliber dan berdedikasi sejajar dengan visi strategik TUDM, “Air Force Next Generation”.

Di dalam ucapan Panglima Wilayah Udara 1, beliau menekankan supaya kesemua pelatih mempamerkan komitmen yang tinggi dan esprit de corps yang jitu sepanjang berkursus. Beliau juga mengingatkan bahawa banyak liku-liku dan cabaran sebagai seorang juruterbang yang bakal mereka tempuh dan kejayaan hanya dapat dicapai dengan adanya semangat yang kental inginkan perubahan ke arah kecemerlangan. Tiada jalan mudah untuk berjaya melainkan dengan hasil usaha yang gigih dan komitmen yang tinggi.

